

27 MAR 2004

Kabinet-Reaksi (Pembangkang)

PEMBANGKANG SIFATKAN BARISAN KABINET BARU 'MENGECEWAKAN'

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Di sebalik penerimaan banyak pihak terhadap barisan baru Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini, pihak pembangkang menganggap pelantikan itu mengecewakan.

Presiden Parti Rakyat Malaysia Dr Syed Husin Ali menyifatkan barisan Kabinet itu masih lagi bercorak lama, mengecewakan dan tidak menunjukkan sebarang tanda Perdana Menteri mahu membawa perubahan kepada negara.

"Selain memecahkan beberapa kementerian mungkin dengan tujuan untuk menambahkan bilangan menteri yang boleh dipilih, Kabinet yang baru diumumkan gagal sama sekali untuk membuktikan bahawa Abdullah sudah berjaya melepaskan dirinya dari pengaruh tuannya dulu, Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini hari ini.

Beliau turut mencabar Abdullah membuktikan dengan nyata dalam tempoh setahun akan datang bahawa beliau tidak tamak kuasa dan benar-benar memerangi rasuah serta jenayah.

"Jika tidak rakyat akan menganggap beliau hanya beromong kosong saja semasa berkempen untuk memenangi pilihan raya," katanya.

Pengerusi Kebangsaan DAP Lim Kit Siang menyambut baik pewujudan Kementerian Pengajian Tinggi tetapi kecewa dengan barisan menteri-menteri yang dikekalkan yang didakwa masih belum membersihkan nama mereka daripada tuduhan rasuah atau dakwaan menyalahgunakan kuasa.

"Apa yang paling mengecewakan, bukan sahaja kepada DAP tetapi 4.4 juta pemilih yang mengundi Barisan Nasional dan 2.4 juta yang mengundi pembangkang bahawa Abdullah telah gagal dalam ujian pertamanya untuk menunaikan janji bagi sebuah negara yang bersih, tidak rasuah dan amanah dan juga ikrar dalam manifesto BN iaitu 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang'," katanya.

Beliau berkata Kabinet pertama Abdullah mempunyai kecacatan yang sama seperti pilihan raya umum 2004 yang memberikan mandat majoriti Parlimen sembilan-sepuluh kepada Abdullah, yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Bagaimanapun, nada berbeza diterima daripada Ketua Penerangan PAS Kelantan yang juga seorang Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Kelantan, Takiyuddin Hassan.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Dr Awang Adek Husin sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada anggota Parlimen Machang, Sazmi Miah yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

"Saya berharap dengan pelantikan mereka itu akan membawa keuntungan kepada rakyat Kelantan," katanya.

Beliau juga berharap dengan pelantikan itu akan dapat mengeratkan lagi hubungan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan selaras dengan sistem federalisme dalam negara yang bermakna kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan perlu ada hubungan yang baik.

-- BERNAMA

SHI NER WM BD RAR AHH RHM